

Ahad, 1 November 2015

1. Ubah persepsi terhadap 1MDB

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengalu-alukan keputusan Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy untuk mengadakan debat terbuka tanpa sebarang syarat dengan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua.

Presiden Pertubuhan Jalur Tiga (Jati), Prof. Datuk Dr. Mohd. Zainul Fithri berkata, perdebatan tersebut mampu merungkai pelbagai masalah serta mengubah persepsi buruk yang dimainkan oleh pihak pembangkang khususnya Tony terhadap 1MDB selama ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya yakin pihak pembangkang seperti DAP tidak akan menerima apa juga penjelasan daripada 1MDB walaupun secara fakta.

"Adakah perdebatan yang dimahukan oleh pihak DAP ini ingin mencari penyelesaian atau mahu memburukkan lagi keadaan. Jika perdebatan hanya dilakukan untuk memenuhi nafsu serakah DAP, saya rasa ia adalah satu perkara yang membuang masa.

"Malah, Tony kalau benar-benar profesional dalam tindakan serta pandangan perlu menerima penjelasan dengan hati terbuka dan membawa bukti yang kukuh atas segala tuduhan yang dilakukannya," katanya ketika dihubungi di sini.

Ahad, 1 November 2015

2. Tiga inisiatif rasionalisasi jana RM42 bilion

KUALA LUMPUR 31 Okt. - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) optimis dengan pelan rasionalisasi yang menumpukan kepada tiga inisiatif dalam mengurangkan hutang syarikat sehingga RM42 bilion.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berkata, sasaran itu mampu dicapai menerusi penjualan Edra Global Energy Berhad (Edra) dan 60 peratus ekuiti Bandar Malaysia Sdn. Bhd. (Bandar Malaysia) serta pertukaran aset kepada ekuiti dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) Abu Dhabi.

Menurut beliau, penjualan Edra akan mengurangkan hutang 1MDB antara RM16 bilion hingga RM18 bilion manakala 60 peratus ekuiti Bandar Malaysia dianggarkan bernilai sekurang-kurangnya RM11.5 bilion dan pertukaran aset kepada ekuiti dengan IPIC menyumbang pengurangan hutang kira-kira RM16 bilion.

"Selain itu, 1MDB masih lagi memiliki tanah di Tun Razak Exchange (TRX) serta 80 hektar tanah di Air Hitam, Pulau Pinang dan 128 hektar tanah di Pulau Indah, Selangor.

"Sebab itulah saya selalu katakan, nilai aset 1MDB adalah lebih tinggi daripada hutang yang ditanggung syarikat," katanya dalam sidang akhbar berhubung pelan rasionalisasi 1MDB di sini hari ini.

Arul Kanda menambah, tiga syarikat yang mengemukakan bidaan untuk membeli Edra dijangka memuktamadkan tawaran mereka dalam masa dua hingga tiga minggu akan datang.



Ahad, 1 November 2015

3. Arul Kanda sedia berdebat tanpa syarat

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy bersedia berdebat dengan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua secepat mungkin tanpa sebarang syarat.

Beliau berkata, Tony tidak perlu meletak jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sebelum muncul dalam program bual bicara yang akan disiarkan secara langsung oleh RTM.

"Hari ini, saya ingin memberitahu Tony bahawa saya menarik balik syarat yang ditetapkan sebelum ini.

"Saya akan bersemuka dengan Tony untuk berdebat secara langsung melalui televisyen tanpa sebarang syarat," katanya dalam sidang akhbar berhubung pelan rasionalisasi 1MDB di sini hari ini.

Kelmarin, Arul Kanda menyahut cabaran Tony untuk muncul bersama dalam program bual bicara yang disiarkan secara langsung bagi menjawab segala persoalan tentang 1MDB.

Beliau turut meletakkan syarat bahawa Tony yang juga Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP perlu meletakkan jawatannya dalam PAC terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, Arul Kanda menyifatkan syarat yang dikenakan terhadap Tony sebelum ini adalah munasabah bagi mengelakkan konflik kepentingan.

Menurut beliau, PAC sedang menjalankan siasatan terhadap 1MDB dan Tony yang menganggotai jawatankuasa itu akan menilai syarikat tersebut melalui testimoni serta maklum balas yang diberikan kepada jawatankuasa berkenaan.

"Bagaimana jika saudara dan saudari dihadapkan ke mahkamah namun pada masa sama hakim yang mengadili kes bersemuka dengan saudara dan saudari melalui televisyen untuk berdebat tentang kes tersebut? Ia tidak masuk akal," ujarnya.

Namun, Arul Kanda memberitahu, sikap Tony itu tidak menghairankan kerana pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang lazimnya menetapkan peraturan berbeza untuk diri mereka dan pihak lain.

Beliau turut menyatakan penghargaan kepada RTM di atas kesediaan stesen televisyen tersebut menyiarkan secara langsung debat bersama Tony.

Sementara itu, Tony melalui laman Facebook beliau hari ini menghargai kesediaan Arul Kanda untuk berdebat secara langsung menerusi siaran televisyen tanpa sebarang syarat.



Isnin, 2 November 2015

4. Kerajaan bayar faedah RM1.5 bilion setahun Pelajar enggan bayar pinjaman PTPTN

PUTRAJAYA 3 Nov. - Kerajaan perlu menanggung kadar faedah sebanyak RM1.5 bilion setiap tahun akibat keengganan para peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membayar balik pinjaman mereka.

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berkata, sikap tidak bertanggungjawab itu menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan baharu untuk menyediakan pinjaman kepada pelajar lain.

Beliau berkata, dalam pembentangan Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 bilion untuk tujuan pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

"Perkara ini amat mendukacitakan kerana kerajaan perlu menanggung kadar sebanyak empat peratus setahun dan RM1.5 bilion digunakan hanya untuk membayar bunga pinjaman dan bukannya asas pinjaman mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam program penyerahan tenaga kerja kepada industri dan pemeteraian nota kerjasama di antara Politeknik Banting, Selangor dan Antah Schindler Sdn. Bhd. (Antah Schindler) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar; Pengarah Politeknik Banting, Zulkifli Md. Salleh dan Ketua Pegawai Operasi Antah Schindler, Lee Wei Jye.

Sementara itu, Zaini berkata, kerajaan bercadang untuk memperkasakan lagi Jabatan Pendidikan Politeknik dengan menjadikannya sebagai sebuah badan berkanun pada tahun hadapan.

"Langkah ini merupakan pembaharuan yang baik kerana akan menjadikan politeknik lebih fleksibel termasuk dalam hal mengurus kewangan, perjawatan dan kenaikan pangkat," katanya.

Mengulas mengenai pemeteraian nota kerjasama antara Politeknik Banting dan Antah Schindler, Zaini berkata, kerjasama tersebut akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak selain menjamin peluang pekerjaan kepada pelajar.

"Kementerian dan pihak industri akan terus menjalinkan kerjasama dengan lebih erat bagi memastikan transformasi sistem pendidikan tinggi dapat dicapai menjelang 2025, kerjasama hari ini adalah satu usaha yang baik untuk menjurus kepada kejayaan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Zulkifli ketika berucap dalam program yang sama berkata, sebanyak 15 pelajar telah ditawarkan jawatan sebagai juruteknik oleh Antah Schindler sekali gus membuktikan pelajar politeknik sememangnya berkualiti serta berdaya saing.

"Nota kerjasama hari ini juga akan menjamin kebolehpasaran para pelajar Politeknik Banting dengan Antah Schindler secara berterusan dengan kadar sekurang-kurangnya 20 orang setiap tahun sebagai juruteknik.

"Ketika ini kebolehpasaran graduan lepasan Politeknik Banting amat konsisten iaitu telah berjaya mengekalkan rekod 100 peratus untuk tiga tahun berturut-turut bermula 2012, kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua pihak terutamanya kementerian dan pihak industri," katanya.



Jumaat, 6 November 2015

5. Bank Negara perlu siasat DEIG-Khalid

SHAH ALAM 6 Nov. - Tindakan kerajaan PKR Selangor menubuhkan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) yang mencetuskan pelbagai persoalan dan kontroversi wajar diselesaikan melalui siasatan menyeluruh oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan dan Ketelusan Selangor (Selcat), Jabatan Audit Negara dan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) terutama isu tawaran pinjaman bank RM500 juta kepada satu anak syarikat kumpulan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, menerusi siasatan itu, Selcat harus membuktikan tiada sebarang unsur salah guna kuasa atau perlanggaran tatacara serta etika pengurusan dan pentadbiran berlaku walaupun DEIG telah tampil mengaku kewujudan tawaran pinjaman tersebut yang kemudiannya ditolak.

Menurutnya, isu tersebut tidak boleh dibiarkan berlalu begitu sahaja malah sepatutnya menjadi satu alasan kukuh bagi Selcat untuk memulakan siasatan.

"Tidak dapat disangkal lagi bahawa wujudnya merit bagi Jabatan Audit Negara untuk menjalankan kajian secara mendalam demi menentukan kesahihan semua dakwaan yang telah dibuat terhadap DEIG.

"Di peringkat negeri pula, dalam bidang kuasa Selcat atau JP-ABAS untuk menghubungi Bank Negara dan memohon satu siasatan bagi mendapatkan kepastian bagaimana pihak bank komersial boleh menawarkan sejumlah pinjaman yang besar kepada sebuah syarikat (dan anak syarikatnya) yang didakwa masih belum beroperasi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Abdul Khalid yang mengulas mengenai pembinaan lebuh raya bertol yang didakwa dibuat semasa memegang jawatan Menteri Besar menegaskan, walaupun terdapat persetujuan secara prinsip atau bersyarat secara pentadbiran terhadap keperluan merancang satu sistem aliran trafik yang berkesan termasuk membina jajaran jalan raya lingkaran luar, beliau tidak pernah mengeluarkan perintah pembangunan terhadap mana-mana projek.

"Persetujuan secara prinsip yang diberikan juga tertakluk kepada hasil kajian penilaian kesan trafik, sosial dan alam sekitar bagi memastikan mana-mana projek lebuh raya bertol yang dicadangkan bakal memberi manfaat kepada rakyat, tidak membebankan rakyat atau memberi kesan negatif ke atas alam sekitar.

"Sebagaimana yang berlaku kepada projek Lebuh Raya Kinrara-Damansara (Kidex), pentadbiran sekarang mempunyai kuasa untuk tidak mengeluarkan perintah pembangunan bagi Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKER), Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (Dash) dan Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE)," katanya.



Isnin, 9 November 2015

6. Kompaun biak aedes RM4.9 juta

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Kementerian Kesihatan mengeluarkan sebanyak 9,973 kompaun berjumlah RM4.9 juta kepada pemilik kediaman termasuk premis syarikat yang dikenal pasti menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes sepanjang tempoh Januari hingga Ogos lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, tindakan penguatkuasaan yang bertujuan mengawal dan membendung peningkatan kes denggi itu turut merekodkan seramai 804 individu dihadapkan ke mahkamah di seluruh negara.

"Malah, kes denggi untuk tahun ini bagi seluruh negara meningkat sehingga mencecah kadar 102,217 kes dalam tempoh Januari hingga 6 November lalu sekali gus mencatatkan sejarah terburuk.

"Selangor adalah negeri paling tinggi yang mencatatkan denggi sebanyak 54,062 kes diikuti dengan Johor (13,299) dan Perak (8,368)," katanya dalam sidang akhbar pada program Gotong-Royong Mega di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Menurut Subramaniam, jumlah kes terkumpul dalam tempoh sama iaitu Januari hingga 6 November 2014 hanya sebanyak 86,192 kes.

"Peningkatan ini amat membimbangkan, malah jumlah kematian akibat denggi untuk tahun ini juga meningkat sehingga mencecah 282 orang berbanding 162 pada tahun lalu bagi tempoh sama," ujarnya.

Namun beliau menegaskan, segala program, kempen dan aktiviti penguatkuasaan untuk membanteras denggi tidak akan dapat dicapai selagi kesedaran masyarakat masih berada pada tahap rendah.

"Tanpa kerjasama orang ramai, usaha kita untuk memerangi denggi akan menjadi sia-sia," katanya.

Dalam pada itu, mengulas berhubung penularan wabak demam kepialu atau tifoid, Subramaniam memberitahu, sebanyak 60 kes tifoid dilaporkan di negara ini sejak bulan lalu melibatkan 42 kes di Kuala Lumpur manakala 18 kes di Selangor.

"Kali terakhir kes dilaporkan adalah pada 16 Oktober lalu dan sekiranya tiada lagi kes baharu dilaporkan sehingga hujung bulan ini, ini bermakna wabak itu adalah terkawal," katanya.



Rabu, 11 November 2015

7. 1MDB terima setiap pulangan pelaburan salam PetroSaudi

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) mendapat setiap pulangan pelaburan yang dilakukan dan menghasilkan AS\$500 juta (RM1.8 bilion), hasil kerjasama singkat selama tiga tahun dengan syarikat milik keluarga diraja Arab Saudi, PetroSaudi International Ltd. (PetroSaudi).

Penulis blog LSS Report, Lim Sian See berkata, secara fakta, 1MDB telah diaudit oleh dua firma audit antarabangsa berbeza iaitu KPMG dan Deloitte selama lebih empat tahun.

Katanya, pulangan pelaburan itu bagaimanapun akan disahkan semula oleh Ketua Audit Negara dalam kerja-kerja pengauditan khusus dengan dokumentasi penuh dan bukti-bukti.

"Kerjasama 1MDB dan PetroSaudi dibentuk dalam tempoh singkat selepas pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan raja dan pemerintah Arab Saudi pada waktu itu, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud dan anakandanya, Putera Turki Abdullah dalam siri lawatan rasmi Perdana Menteri selama empat hari ke Arab Saudi pada Julai 2009.

"Dalam pertemuan itu, Raja Abdullah berminat untuk terlibat secara aktif dalam sektor perbankan Islam di Malaysia, meningkatkan penyertaan dalam perkhidmatan-perkhidmatan Islam dan sektor pengeluaran produk selain meningkatkan pegangan ekuitinya dalam negara.

"Selepas pertemuan dengan Najib dalam sebuah bot, Putera Turki kemudiannya menulis surat rasmi dengan kepala surat diraja kepada Perdana Menteri bagi menyatakan persetujuan untuk meneruskan kerjasama di antara Arab Saudi dan Malaysia dalam bentuk pakatan PetroSaudi dan 1MDB," kata Sian See.

PetroSaudi ditubuhkan dan dimiliki oleh Putera Turki yang merupakan putera ketujuh Raja Abdullah. Putera Turki merupakan satu bukti bahawa PetroSaudi merupakan milik anak keluarga diraja Arab Saudi seperti yang disahkan oleh portal berita, Sarawak Report sebelum ini.

Menurut Sian See, Putera Turki bukan seorang putera raja yang terpinggir dan tidak penting seperti yang didakwa oleh Sarawak Report, sebaliknya merupakan anak yang diberi tanggungjawab untuk memegang jawatan besar iaitu Gabenor Riyadh dan juga dilantik menjadi menteri di negara berkenaan.

Tambah Sian See, penglibatan Putera Turki dalam kerjasama PetroSaudi dan 1MDB bukan bermaksud untuk penyelewengan atau mahu mengaut keuntungan berikutan syarikat tersebut didokong oleh kerajaan Arab Saudi selain mempunyai kewangan yang kukuh.

Jelasnya, seperti mana yang terdapat dalam surat yang dihantar dari Pejabat Kedutaan Arab Saudi di Malaysia kepada Perdana Menteri pada 2010, surat itu turut menjelaskan mengenai kerjasama yang terbentuk adalah untuk memperbaiki hubungan di antara dua negara.

"PetroSaudi juga memiliki bank, Banque Saudi Fransi yang turut membuktikan mengenai pemilikan dan kekuatan kewangan syarikat itu. Malah, Arab Saudi dan keluarga dirajanya tidak taksub dan tidak berorientasikan wang," ujarnya.

Khamis, 12 November 2015

8. 1MDB perjelas isu loji kuasa solar di Kedah

KUALA LUMPUR 11 Nov. - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini menjelaskan bahawa DuSable Capital Management bukan dan tidak pernah menjadi penandatangan kepada perjanjian pembelian tenaga (PPA) dan pemilik 1MDB Solar Sdn Bhd (1MDB Solar).

1MDB berkata demikian bagi penjelasan mengenai loji kuasa solar 50 megawatt (MW) di Kedah, yang syarikat melantik DuSable untuk membantu pembangunan projek.

"Kami percaya penjelasan ini akan menolak dakwaan tidak berasas yang dibuat oleh sesetengah ahli politik pembangkang, yang secara selektif mengambil dan salah tafsir maklumat berkaitan dengan 1MDB," katanya.

1MDB berkata syarikat melantik DuSable untuk membantu pembangunan projek keupayaan penjanaan tenaga solar yang disambungkan kepada grid berskala-utiliti, yang mana DuSable Capital Management diberi ganjaran US\$506,000 bagi kos dan perbelanjaan.

Pada 18 Mac, 2014, 1MDB menerima surat lantikan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Mengikut surat berkenaan, 1MDB telah diberikan hak untuk membangunkan loji kuasa solar fotovoltan solar skala utiliti pelbagai peringkat, dengan kapasiti agregat sehingga 500MW.

Bagaimanapun, 1MDB dikehendaki, antara lain, menjalankan kajian kebolehlaksanaan terperinci, melaksanakan PPA, ekuiti sumber dan pembiayaan hutang dan mendapatkan kelulusan lain yang diperlukan bagi setiap loji tenaga solar. - BERNAMA

Khamis, 19 November 2015

9. Tiada keperluan panggil PM - PAC

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati tiada keperluan untuk memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam prosiding siasatan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Pengerusinya, Datuk Hasan Arifin berkata, ini kerana isu 1MDB tiada kaitan dengan wang derma RM2.6 bilion membabitkan Perdana Menteri setelah mengambil kira laporan yang dikeluarkan Peguam Negara.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya akan memanggil bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Datuk Shahrol Halmi dan Presidennya, Arul Kanda Kandasamy dalam prosiding yang akan dijalankan pada minggu depan.

"PAC komited membentangkan hasil siasatan di Parlimen dan kemudiannya akan didedahkan kepada umum.

"Selepas itu, semua agensi boleh bertindak berdasarkan laporan itu," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen hari ini.

Bekas Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamad sebelum ini mengakui mungkin memanggil Najib bagi membantu siasatan isu 1MDB jika dirasakan perlu.

Sementara itu, Hasan berkata, pihaknya turut memutuskan untuk memanggil semula pihak pengurusan Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berhubung perkara dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2 membabitkan projek akuakultur.

Menurut beliau, jawatankuasa itu tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan kerana banyak masalah yang timbul tidak dijelaskan dengan baik seperti projek tidak berjalan dengan baik dan wang yang dikeluarkan begitu banyak berjumlah RM69 juta untuk lima projek yang dijalankan.

"Banyak masalah yang timbul, pengurusan tidak betul dan tiada hala tuju sebenar.

"Jadi kita beri tempoh dalam masa tiga bulan untuk mereka memberikan laporan analisis sensitiviti," katanya.

Laporan audit sebelum ini mendedahkan pelaburan sejumlah RM600,000 bagi pembiakan 70 ekor ikan Arowana untuk Program Ikan Hiasan di Bukit Merah, Perak, tidak menjadi apabila kesemua ikan tersebut tidak membiak.

Bagi pengeluaran udang putih, laporan audit mendedahkan 15 daripada 28 buah kolam dibina untuk program akuakultur Sungai Kerang tidak digunakan dan operasi kilang pemprosesan di Kamunting, Perak, telah dihentikan pada bulan Ogos tahun lalu kerana bekalan dari kolam tidak mencukupi. Sebanyak 105 daripada 140 buah kolam udang putih di Selinsing dan 161 daripada 168 di Pulau Gula, Perak pula tidak digunakan.



Jumaat, 20 November 2015

10. PAC hanya keluarkan kenyataan akhbar ekoran laporan tidak tepat portal berita propembangkang

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memutuskan untuk tidak lagi mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat jawatankuasa itu pada 23 November ini.

Pengerusinya, Datuk Hasan Arifin menegaskan, keputusan itu dibuat berikutan laporan tidak tepat beberapa portal berita propembangkang yang menyalahafsirkan kenyataannya berhubung tiada keperluan memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam prosiding siasatan 1MDB.

Sehubungan itu, jelas beliau, sebarang maklumat berkaitan jawatankuasa itu selepas ini hanya akan diberitahu melalui kenyataan akhbar jika ada keperluan.

"Selaku Pengerusi PAC, saya dukacita kerana usaha untuk mewujudkan suasana mesra dengan pihak media tidak dihargai segelintir petugas media.

"Walaupun gurauan semasa akhir sidang akhbar semalam ketika hendak keluar makan meminta ia tidak ditulis tetapi masih ada segelintir media melaporkannya di portal dan akhbar," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, portal berita The Malaysian Insider dan MalaysiaKini telah menyalahafsirkan kenyataan Hasan.

Ini berhubung kait dengan penggunaan ayat 'saya pun cari makan' yang dinyatakan semasa sidang akhbar jawatankuasa itu yang disebut sekadar gurauan.

Selasa, 24 November 2015

11. Kelantan disaran rampas tanah milik pengusaha ladang di Lojing gagal patuhi syarat

KOTA BHARU 23 Nov. - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 mengesyorkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan merampas tanah yang diberi milik kepada pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang yang mengingkari syarat yang ditetapkan.

Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) pula perlu mengambil tindakan tegas termasuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pengusaha pertanian yang ingkar, menurut Laporan Audit itu.

Ini kerana pengauditan yang dijalankan antara Jun dan September lepas mendapati pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi dan kesannya kepada alam sekitar di Tanah Tinggi Lojing adalah kurang memuaskan, menurut Laporan Audit tersebut yang dibentangkan hari ini.

Sehubungan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan perlu mengenal pasti semua anak sungai di kawasan Lojing dengan mewartakannya dan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang melakukan pencerobohan rizab sungai atau mencemari sungai manakala Jabatan Pertanian Kelantan perlu mengawal penggunaan racun perosak pada tanaman makanan.

Jabatan Perhutanan Kelantan pula perlu memastikan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) tidak diceroboh dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penceroboh yang dikenal pasti selain menggunakan sepenuhnya kemudahan remote sensing bagi memastikan kawasan yang diusahakan tidak melebihi kelulusan yang dibenarkan, menurut laporan itu.

Laporan Audit itu juga mendapati pengurusan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang menjalankan empat perniagaan teras iaitu pertanian, penternakan, akuakultur dan bioteknologi, adalah kurang memuaskan terutama dari segi prestasi kewangan yang mengalami kerugian.

Menurut laporan itu, aktiviti penternakan mengalami kerugian berterusan, prestasi pendapatan daripada projek kerajaan negeri menurun, kelemahan pengurusan sewaan bangunan dan pajakan tanah, kerugian pelaburan dalam syarikat usaha sama dan syarikat subsidiari dan syarat perjanjian pajakan tanah tidak dipatuhi. - BERNAMA

Selasa, 24 November 2015

12. Kerajaan Persekutuan kumpul hasil RM220.63 bilion tahun lepas, Ketua Audit

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Kerajaan Persekutuan mengutip hasil berjumlah RM220.63 bilion pada 2014, meningkat RM7.256 bilion atau 3.4 peratus berbanding RM213.370 bilion tahun sebelumnya.

Hasil cukai dan terimaan bukan hasil menunjukkan peningkatan manakala hasil bukan cukai dan hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan penurunan, demikian menurut Ketua Audit Negara.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar mengenai laporan Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Tahun 2014 serta Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen di sini hari ini

Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh cukai pendapatan individu dan syarikat, hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit, duti eksais terhadap barang import dan cukai jualan atas barang-barang perkilangan dalam negeri.

Perkembangan ekonomi domestik yang stabil serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyumbang kepada peningkatan hasil, katanya.

Bagaimanapun, kutipan cukai pendapatan petroleum serta faedah dan perolehan daripada pelaburan menunjukkan pengurangan berbanding 2013 disebabkan penurunan harga petroleum mentah dan terimaan dividen yang lebih rendah daripada syarikat Kerajaan.

Pada keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi 2014 masih baik, dengan 172 kementerian/Jabatan/Agenzi yang mendapat penarafan empat bintang (sangat baik) berbanding 194 pada 2013 dan 143 pada 2012.

Sementara itu, sebanyak 69 pengauditan prestasi dan 16 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri, merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil dan pengurusan syarikat.

Kandungan Laporan Ketua Audit Negara ini serta sinopsisnya boleh dilayari di <http://www.audit.gov.my> sementara satu sesi townhall bersama media mengenainya akan diadakan pada 2 Dis, 2015 di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam, Kompleks C, Putrajaya. - BERNAMA

Selasa, 24 November 2015

13. Kewangan Kuin tak memuaskan

ALOR SETAR 23 Nov. - Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 mendedahkan prestasi kewangan Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. bagi tahun 2012 hingga 2014 tidak memuaskan berdasarkan analisis trend dan nisbah kewangan yang dijalankan.

Menurut laporan itu, bagi 2012 dan 2013 syarikat mencatatkan kerugian selepas cukai masing-masing berjumlah RM1.3 juta dan RM8.85 juta, bagaimanapun pada 2014, syarikat mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.06 juta.

"Keuntungan pada 2014 bukan diperoleh daripada keuntungan operasi tetapi merupakan keuntungan daripada pelbagai pendapatan lain sejumlah RM3.32 juta," menurut laporan itu.

Laporan berkenaan menyatakan kedudukan kerugian terkumpul bagi tempoh tiga tahun dari 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM4.13 juta, RM12.98 juta dan RM11.58 juta.

Dalam pada itu, semakan audit terhadap Laporan Baki Hutang Pelajar yang dijana oleh Sistem Insaniah Campus Management System (ICMS) sehingga 31 Dis 2013 mendapat sejumlah RM7.25 juta tunggakan yuran pelajar.

Penyumbang tertinggi kepada tunggakan itu adalah pelajar Diploma yang telah tamat belajar berjumlah RM1.55 juta manakala kedua tertinggi ialah pelajar gagal dan berhenti (RM1.3 juta).

Sementara itu, KUIN dalam maklum balas bertarikh 22 Jun 2015 memaklumkan bagi pelajar yang menamatkan pengajian, tindakan akan diambil melalui panel peguam KUIN bagi menuntut semula hutang yang tidak dijelaskan.

Baki yuran tertunggak sehingga 23 Ogos 2015 berjumlah RM13.36 juta, menurut laporan itu.

Audit turut berpendapat pembukaan Kampus Sementara Stargate dan perbelanjaan pengubahsuaian berjumlah RM6.72 juta serta kos pembersihan bangunan kepada keadaan asal berjumlah RM0.81 juta merugikan KUIN. - BERNAMA

Selasa, 24 November 2015

14. 268 syor dikemukakan dalam Laporan Audit Negara 2014 Siri 3

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Sebanyak 268 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri membuat penambahbaikan serta memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan 102 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 32 syor kepada Badan Berkanun Persekutuan dan 134 syor kepada kerajaan negeri.

"Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil dan pengurusan syarikat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Ambrin berkata dalam Laporan Siri 3 itu, sebanyak 69 pengauditan prestasi dan 16 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan.

Selain itu, Kementerian Kewangan turut mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Ambrin berkata, secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi 2014 masih baik dengan 172 kementerian, jabatan dan agensi mendapat penarafan 'Sangat Baik' (4 bintang) berbanding 194 pada 2013 dan 143 pada 2012.

"Pencapaian ini memberi dorongan kepada Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan," katanya.

Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek kerajaan dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek itu tercapai.

Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai faedah terbaik bagi perbelanjaan yang dibuat.


Kandungan dan sinopsis laporan siri 3 itu boleh dilayari dalam laman web Jabatan Audit Negara di <http://www.audit.gov.my> mulai hari ini dan sebarang pertanyaan atau pandangan mengenai laporan itu boleh dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 dan 2 dibentangkan di Parlimen masing-masing pada 6 April dan 15 Jun lepas. - BERNAMA



Selasa, 24 November 2015

15. Tiga kementerian, JPA terlebih belanja



KUALA LUMPUR 23 Nov. - Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 mendapati tiga kementerian dan jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Luar telah berbelanja untuk tujuan pengurusan melebihi peruntukan yang diluluskan.

Menurut laporan itu, JPA memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku berikutan tiada peruntukan awal bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pesara.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan pula memaklumkan pembayaran adalah untuk emolumen manakala Kementerian Luar pula akibat faktor luar jangka yang tidak dapat dielakkan.

"Antara faktor luar jangka adalah peningkatan kos sewaan bangunan pejabat perwakilan dan kediaman, yuran sekolah dan bil utiliti.

"Faktor lain adalah kejatuhan nilai mata wang ringgit, pengajuran program dan aktiviti di luar negeri serta lawatan rasmi bagi operasi mencari dan menyelamat MH370 dan MH17," kata laporan itu.

Selain itu laporan itu turut memaklumkan terdapat tujuh kementerian atau jabatan yang telah memohon pindah peruntukan (viremen) berjumlah RM41.58 juta bagi menampung 19 aktiviti namun tidak dibelanjakan.

Kementerian atau jabatan tersebut adalah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pertahanan.



Rabu, 25 November 2015

16. PAC bentang laporan tentang 1MDB di Parlimen pada Mac depan

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan membentangkan Laporan Pengurusan Kawalan Tadbir Urus Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Parlimen selewat-lewatnya Mac tahun depan.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin berkata, jawatankuasa itu telah mendengar keterangan daripada bekas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan akan memanggil beberapa orang lagi termasuk Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB Arul Kanda untuk memberi keterangan.

"Siasatan terhadap 1MDB perlu menyeluruh dengan memanggil semua saksi bagi memastikan laporan jawatankuasa adalah telus, menyeluruh serta adil," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan

selepas beliau mempengerusikan mesyuarat PAC berhubung prosiding keempat Pengurusan Kawalan Tadbir Urus 1MDB di Parlimen di sini.

Hari ini, PAC mendengar keterangan Shahrol Azral mengenai kawalan tadbir urus 1MDB bermula daripada Pihak Berkuasa Pelaburan Terengganu (TIA) 2009 sehingga kepada penubuhan 1MDB secara rasmi pada September 2009.



Khamis, 26 November 2015

17. IMDB mampu selesa hutang tanpa bantuan kerajaan

KUALA LUMPUR 25 Nov. - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mampu menyelesaikan hutang dan isu aliran tunai syarikat berkenaan dengan lebih cepat tanpa melibatkan bantuan kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, semua perancangan strategik di bawah pelan rasionalisasi 1MDB sedang dilaksanakan tanpa sebarang halangan dalam usaha mengurangkan faedah hutang yang ditanggung syarikat berkenaan.

"1MDB merancang dan sedang melaksanakan langkah rasionalisasi termasuk penjualan aset, perkongsian ekuiti dan lain-lain.

"Jadi, kita yakin dapat menyelesaikan jumlah hutang yang ditanggung tanpa bantuan kewangan kerajaan," katanya ketika menjawab soalan **Siti Zailah Mohd. Yusoff (Pas-Rantau Panjang)** mengenai 1MDB dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut Johari berkata, isu 1MDB juga bukan merupakan punca kejatuhan nilai ringgit, sebaliknya beberapa faktor luaran menjadi penyebab seperti kejatuhan harga minyak mentah, faktor ekonomi global yang bergantung kepada eksport menyebabkan tekanan pada ringgit.